



**UCAPAN ALUAN
YBHG. KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PENGESAHAN PAKAR
BIDANG KHUSUS
(*SUBJECT MATTER EXPERT – SME*)
JABATAN KERJA RAYA**

29 JULAI 2020

**Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi
JKR (CREaTE)**

Alor Gajah, Melaka

Terima kasih saudara pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Dihormati saudara Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

- Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman
Ketua Pengarah Kerja Raya

- Yang Berbahagia Dato' Haji Suhaime bin Mahbar
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(Pembangunan)

- Yang Berbahagia Dato' Ahmad Nadzri bin Embong
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya
(Sektor Pengurusan)

□ Yang Berusaha Ir. Radzwan bin Kassim
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor
Bangunan)

Pengarah-Pengarah Kanan, tuan-tuan dan puan-puan
yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi
kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana
dengan rahmat dan izin-Nya jua, kita diberi kesempatan
untuk bersama-sama hadir dan meraikan Majlis
Penyampaian Watikah Kenaikan Pangkat Pakar Bidang
Khusus (Subject Matter Expert – SME) Jabatan Kerja
Raya (JKR) pada hari ini.

2. Pertama sekali, saya mewakili Kementerian Kerja Raya (KKR) sangat mengalu-alukan kehadiran dan merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Khairul Adib, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) di atas kesudian menghadiri diri bagi memeriahkan majlis pada hari ini. Di kesempatan ini juga saya turut mengalu-alukan kehadiran YBhg. Dato' Haji Suhaime bin Mahbar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) ke majlis pagi ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman atas perlantikan beliau sebagai Ketua Pengarah Kerja Raya yang baharu. Diharapkan dengan pelantikan ini dapat mengukuhkan lagi profesionalisme JKR. Terima kasih juga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang dapat meluangkan masa hadir ke majlis pada hari ini.

3. Dalam tempoh yang serba mencabar ini, pemulihan ekonomi menjadi agenda utama Kementerian sejajar dengan aspirasi kerajaan. Oleh itu, KKR memainkan peranan yang penting dalam memastikan semua dasar, program dan aktiviti yang dirancang dapat

dilaksanakan dengan cekap mengikut jadual dan efektif bagi memacu pembangunan domestik dalam sektor dan industri pembinaan.

4. Pada 11 Julai 2020 yang lalu, YB Menteri Kanan Kerja Raya mengumumkan bahawa Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah memperuntukkan dananya sejumlah RM70 juta. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan program strategik yang bertujuan meningkatkan keupayaan dan kapasiti penggiat industri pembinaan. Ia susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi menangani penularan COVID-19.

5. Inisiatif ini adalah sejajar dengan halatuju Kerajaan dalam menyahut cabaran Revolusi Industri 4.0. Kementerian kini meneraju usaha ke arah pendigitalan industri pembinaan. Usaha ini dilaksanakan melalui program dan inisiatif yang telah diperkenalkan antara lainnya penggunaan teknologi *Industrialised Building System* atau IBS dan *Building Information Modelling* (BIM) dalam projek-projek pembinaan. Projek Lebuhraya

Pan Borneo sepanjang 2,300km yang menghubungkan Sabah dan Sarawak, merupakan antara projek mega yang menggunakan BIM dalam pelaksanaannya. Penggunaan BIM dalam projek ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat global apabila memenangi *Bentley System's 'Year in Infrastructure 2018'* bagi kategori jalan dan lebuhraya. Selain itu, ia juga telah menerima "*Public Services Construction Application Award*" di *Building Smart Hong Kong 4th International BIM Awards Conference*.

6. Seterusnya, KKR sedang menggubal dasar baharu yang dikenalpasti dapat meningkatkan kapasiti dan keupayaan industri pembinaan ke tahap yang lebih tinggi. Dasar-dasar ini dilihat mampu meningkatkan daya saing penggiat industri di arena antarabangsa. Dasar-dasar dimaksudkan adalah:

- i. Dasar Pembinaan Negara 2030;
- ii. Dasar Pembangunan Jalan Raya Dan Lebuhraya;
- iii. Dasar Senggara Infrastruktur Negara; dan

iv. Pelan Strategik Pembinaan 4.0 2020-2025.

YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Segala perancangan dan dasar yang dibentuk ini tidak mampu direalisasikan tanpa salah satu aset terpenting sesebuah organisasi iaitu sumber manusianya. Oleh itu, amatlah penting untuk memastikan sumber manusia yang ada disusunatur secara optimum. Seterusnya, memberi keutamaan kepada peningkatan keupayaan dan potensi mereka. Warga kerja berkeupayaan dan berpengetahuan tinggi akan memacu organisasi ke arah mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan dengan jayanya.

8. Dalam konteks ini, terdapat dua (2) strategi utama dilaksanakan oleh KKR iaitu:

- i. Memantapkan pengurusan data dan sistem sumber manusia KKR; dan
- ii. Meningkatkan pengurusan program pembangunan kompetensi dan potensi sumber manusia KKR.

9. KKR melihat peri pentingnya pelaksanaan Strategi Pertama dalam memperkemaskan, menganalisa dan menguruskan data-data sumber manusia yang terdapat di Kementerian dan agensi-agensi di bawah Kementerian dan juga jawatan-jawatan kader. Usaha ini akan membolehkan perancangan sumber manusia KKR dapat direkabentuk bagi memenuhi misi, visi dan nilai bersama Kementerian. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus Kementerian, satu sistem pemetaan penempatan sumber manusia KKR di seluruh negara akan dibangunkan bagi memberikan gambaran lebih jelas keperluan sumber manusia yang optimum terutamanya dalam pelaksanaan projek-projek KKR seluruh negara dengan mengambil kira kekangan terhadap perjawatan baru yang boleh diwujudkan pada masa ini . Di samping itu, penggunaan HRMIS dalam memenuhi urusan sumber manusia Kementerian juga terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

10. Berdasarkan Strategi Kedua, KKR dalam proses melihat semula kerangka kerja pembangunan kompetensi warga organisasi dan perjawatan sebagai satu dokumen rujukan dalam pembangunan kompetensi dan potensi warga KKR. Pembangunan kerangka ini antaranya akan mengambil kira keperluan kemasukan ke laluan SME. Kerangka kerja ini juga akan memberikan fokus yang lebih jelas kepada perancangan pelaksanaan latihan menyeluruh bagi memenuhi keperluan strategik KKR dalam bidang-bidang kepakaran tertentu.

11. Usaha ini sebenarnya telah pun bermula sejak 2016 lagi di mana JPA telah pun mengiktiraf Program Pakar Bidang Khusus atau SME di Kementerian ini. Program pada pagi ini adalah kemuncak dengan kehadiran YBhg. Datuk KPPA sendiri untuk menyampaikan Surat Kenaikan Pangkat kepada 13 pegawai SME jabatan yang telah berjaya dinaikkan pangkat.

12. Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kesemua 13 orang Pegawai Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) yang telah

diluluskan kenaikan pangkat tersebut. Semoga penat jerih serta pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan menjadi pemangkin kepada generasi baharu untuk terus cemerlang. Saya yakin usaha tuan-tuan dan puan-puan akan memacu organisasi ke suatu tahap yang lebih tinggi dalam bidang-bidang kepakaran teknikal. Terima kasih juga kepada Urus Setia dan warga kerja JKR yang membantu dan memberi sokongan dalam menjayakan majlis ini.

13. Akhir kata, semoga warga kerja KKR dan Agensi terus cemerlang dan gigih memperkasakan segala ilmu dan kepakaran yang dimiliki dan menjadi peneraju dalam melahirkan Pegawai Pakar Bidang Khusus setanding dengan agensi dalam mahu pun luar negara.

Sekian,

Wabillahitaufik wal Hidayah

Wassalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, KKR

28 JULAI 2020